



RUPA bentuk obor-obor Portuguese man o' war yang dikesan di sekitar Pantai Irama, dekat Bachok.

Waspada obor-obor di Pantai Irama

Kota Bharu: Orang ramai dinasihatkan supaya berwaspada dan tidak menyentuh obor-obor jenis *Portuguese man o' war* yang dikesan di sekitar Pantai Irama, dekat Bachok.



Jika terkena, mangsa perlu membuangnya dengan menggunakan kayu atau sarung tangan bagi mengelakkan kesan yang lebih mudarar”

Mohd Khairi

Pegawai Pertahanan Daerah Bachok, Leftenan Pertahanan Awam Mohd Khairi Mat Hussin berkata, bangkai obor-obor itu dikesan pihaknya pada jam 3 petang Rabu lalu.

Katanya, ketika anggota Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Bachok membuat rondaan rutin, mereka menemukan bangkai obor-obor terdampar di tepi pantai.

“Pihak kita mengambil

bangkai itu dan menanamnya, manakala ikan yang menjadi mangsa obor-obor terbabit dilupuskan. Orang ramai dinasihatkan supaya tidak mendekati obor-obor itu kerana ia akan menyebabkan kegatalan serta ke-



ANGGOTA APM melihat bangkai obor-obor jenis Portuguese man o' war yang ditemukan di Pantai Irama, dekat Bachok. - Gambar IHSAN APM

san negatif lain.

“Jika terkena, mangsa perlu membuangnya dengan menggunakan kayu atau sarung tangan bagi mengelakkan kesan yang lebih mudarar,” katanya ketika dihu-

bungi di sini, semalam.

Menurutnya, obor-obor berkenaan naik ke darat berikutan keadaan cuaca yang tidak menentu iaitu angin yang kuat, ombak besar dan terjadinya air pasang.